

UMS bangun konsep tenaga hijau

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 28.01.2012 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan merealisasikan pembangunan dalam konsep tenaga hijau dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kumpulan Seagate Global.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata melalui MoU itu beberapa komponen ditandatangani termasuklah program perintis yang dicadangkan untuk inkubator tenaga solar.

Menurutnya, dengan cadangan itu Seagate Global akan membina sebuah bangunan yang berkhidmat sebagai contoh dalam penggunaan teknologi hijau.

“Pembangunan ini nanti bukan sahaja menunjukkan teknologi hijau tetapi juga merangkumi teknik pembinaan yang berpatutan,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MoU itu di sini kelmarin.

Beliau berkata, komponen kedua bagi MoU itu ialah cadangan pembangunan untuk Resort Perkampungan Budaya UMS.

Kamaruzaman berkata, sebagai rakan kongsi UMS, Kumpulan Seagate Global akan membantu membangunkan pantai UMS yang terkenal dengan keindahannya.

“Saya harap dapat melihat projek ini sebagai sesuatu yang akan memudahkan



KAMARUZAMAN (dua kiri) ketika menyerahkan dokumen MoU kepada William (dua kanan). Turut kelihatan Pendaftar UMS, Mejar Datuk Abdullah Said (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Seagate Global Malaysia, Haider Isnaji (kanan).

dan bagi pihak UMS, kami akan memberi kerjasama sepenuhnya untuk melaksanakan projek ini,” katanya.

Ketika menjelaskan secara lanjut mengenai konsep perkampungan budaya pada sidang media, beliau berkata pembinaan resort itu akan dilaksanakan tahun ini juga.

Tambahnya, idea untuk mempunyai pusat peranginan di kampus telah dicadangkan sejak sekian lama.

Namun jelasnya, mereka memilih untuk melaksanakannya secara perlahan-lahan kerana mahu ia dibangunkan sebagai projek ‘mesra alam’.

“Pusat peranginan kampung ini akan dibina di atas tanah seluas lebih

kurang 40 hingga 50 ekar yang terletak di sepanjang pantai UMS.

“Ia juga akan menjadi tempat latihan untuk pelajar hospitaliti universiti ini serta ahli-ahli komuniti yang lain,” katanya.

Kamaruzaman berkata, cadangan pembinaan loji tenaga solar UMS yang termasuk dalam komponen MoU itu turut disifatkan sebagai matlamat penuh universiti.

“Saya percaya ia akan memakan masa bagi pelaksanaannya disebabkan birokrasi di Malaysia dan pada masa ini, setiap bulan UMS membelanjakan hampir RM2 juta untuk penggunaan tenaga elektrik.

“Pembinaan loji tenaga solar di sini bertujuan

membantu UMS menjana penggunaan elektrik dengan lebih murah,” katanya.

Beliau berkata, UMS mempunyai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta jurutera. Dengan teknologi yang dibawa oleh Seagate Global, ia membantu UMS untuk menjana tenaga sendiri.

Selain itu, tambahanya, sekiranya dilaksanakan, Loji Tenaga Solar UMS mampu menjimatkan perbelanjaan penggunaan elektrik sebanyak 30 peratus.

Turut hadir, Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan Seagate Global, Prof William Lawton dan Presiden Seagate Asia Tenggara, Dominador S. Tupaz, Jr.